PETISYEN KEPADA PERDANA MENTERI YAB TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN:

# HENTIKAN OPERASI PENANGKAPAN WARGA ASING TANPA DOKUMEN, FOKUS KEPADA MATLAMAT MENGAWAL PENULARAN WABAK COVID-19

#jangancetuskluster

Kenyataan akhbar oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Dalam Negeri pada 29/5/2021 dan 3/6/2021 telah mewujudkan persepsi di kalangan ramai bahawa kerajaan telah buat keputusan melancarkan rancangan untuk menangkap dan menahan warga asing tanpa dokumen (ataupun pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam lingo kerajaan) pada skala besar-besaran dalam masa yang singkat.

Kami dari pelbagai organisasi dan individu yang menandatangani petisyen ini berpendapat bahawa pendekatan menangkap dan menahan warga asing tanpa dokumen pada masa ini akan merumitkan lagi usaha melawan pandemik di kalangan rakyat Malaysia, kerana:

1. Operasi sebegini akan menakutkan kaum pekerja asing sama ada antara mereka yang berdokumen ataupun tidak berdokumen. Malahan, tindakan sedemikian akan menyebabkan mereka menjauhi mana-mana wakil pentadbiran kerajaan. Justeru, ini akan mengalahkan usaha kerajaan untuk mewujudkan imuniti kelompok (herd immunity) di Malaysia. Imuniti kelompok memerlukan penyuntikan vaksin bagi 80% penduduk Malaysia, termasuk komuniti warga asing. Kegagalan mencapai tahap vaksinasi 80% penduduk akan melewatkan pemulihan ekonomi negara dan melanjutkan penderitaan rakyat kita.

2. Ada kemungkinan besar bahawa penangkapan dan penahanan PATI pada masa ini akan menyebabkan kluster-kluster baru Covid 19 di pusat-pusat tahanan imigresen. Ini akan meningkatkan penularan wabak Covid 19 di kalangan PATI dan juga akan menjangkiti pegawai imigresen, anggota polis dan kakitangan mahkamah (yang terlibat dalam pengendalian reman) serta ahli-ahli keluarga mereka. Kebarangkalian ini boleh dan harus dielakkan.

3. Jabatan imigresen tiada kapasiti untuk menangkap dan menghantar balik 2 hingga 3 juta PATI yang berada di Malaysia. Menurut Suhakam, anggaran pada 1 Julai 2020 menunjukkan bahawa pusat-pusat tahanan imigresen yang hanya boleh menanggung 12,530 orang tahanan sahaja telah melebihi kemampuannya dengan dipenuhi seramai 15,163 orang tahanan. Selain itu, lebih daripada 95% orang PATI sedang bekerja dan menyumbang kepada ekonomi negara. Bahkan, aktiviti ekonomi negara kita juga memerlukan perkhidmatan mereka.

Mungkin YB Dato' Seri Hamzah Zainudin percaya ketegasan beliau dalam hal ini akan membantu dalam mengatasi masalah wabak Covid-19. Tetapi beliau harus mengingati bahawa setiap pelan tindakan yang diambil mestilah berasaskan analisa saintifik yang jelas, objektif dan munasabah. Pada masa ini pendekatan menangkap dan menahan PATI akan memudaratkan usaha kerajaan mengawal penularan wabak Covid-19 di negara kita.

Kami amat berharap YAB akan membawa isu ini ke persidangan Majlis Keselamatan Negara supaya satu pendekatan yang lebih sesuai dan bersepadu dapat digubal bagi pengendalian warga asing tanpa dokumen semasa wabak Covid-19 merebak. Pada ketika ini, kita harus fokus kepada matlamat mengawal penularan wabak Covid-19 di negara kita. Matlamat-matlamat lain adalah sekunder dan

harus ditangguhkan jika ia bercanggah dengan matlamat utama iaitu mengawal dan mengatasi penularan wabak Covid-19.

Terima kasih.
Yang benar,

Ditandatangani oleh:

**Organisasi:**

1. People's Health Forum (Forum Kesihatan Rakyat)
2. Citizens' Health Initiative
3. Agora Society Malaysia
4. Third World Network
5. Health Equity Initiatives
6. Parti Sosialis Malaysia
7. Aliran
8. All Women's Action Society (AWAM)
9. Alternatives to Violence Project (AVP Malaysia)
10. ALTSEAN-Burma
11. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
12. Archdiocesan Human Development Commission (AHDC)
13. Asylum Access Malaysia
14. Beyond Borders Malaysia
15. Centre for Independent Journalism (CIJ)
16. Citizens Against Enforced Disappearances (CAGED)
17. Consumers Association of Penang (CAP)
18. Demokrat Kebangsaan
19. Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCAH)
20. Dewan Pimpinan Pusat Gabungan Serikat Buruh Indonesia (DPP GSBI)
21. ENGAGE
22. Episcopal Commission for the Pastoral Care of Migrants & Itinerants (ECMI)
23. Family Frontiers
24. Forum Ekonomi Manusiawi
25. Fugee
26. G25 Malaysia
27. GERAK
28. Geutanyoe Foundation
29. Humanity Heroes Foundation
30. IMAN Research
31. In Between Cultura
32. Institute for Leadership and Development Studies
33. International Women's Rights Action Watch Asia Pacific
34. Islamic Renaissance Front
35. Jaringan kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia
36. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)
37. Koalisi Buruh Migran Berdaulat
38. Lembaga Bantuan Hukum Bina Karya Utama (LBH-BKU)
39. Liga Rakyat Demokratik
40. LLG Cultural Development Centre
41. Mahasiswa Amanah Nasional
42. Mahasiswa Keadilan Malaysia
43. Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM)
44. Malaysia Hindu Sangam
45. Malaysian CARE
46. Malaysian Health Coalition
47. Malaysian Medical Association (MMA)

48. Malaysian United Democratic Alliance (MUDA)
49. Migrant Workers Right to Redress Coalition
50. Monitoring Sustainability of Globalisation
51. Muslim Professionals Forum
52. MyPJ
53. New Student Movement Alliance of Malaysia (NESA)
54. North South Initiative
55. Our Journey
56. PACOS Trust
57. Pemuda Sosialis
58. People Like Us Support Ourselves (PLUsos)
59. Persatuan Kebajikan Anak Anak Miskin Sabah
60. Persatuan Kebajikan Biji Sawi (Mustard Seed Soup Kitchen)
61. Persatuan Kebajikan Komuniti Dan Dialog
62. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
63. Pertubuhan IKRAM Malaysia
64. Pertubuhan Jaringan Orang Asli Johor (JPOAJ)
65. PeSAWAH
66. Prison Fellowship Malaysia Sabah
67. Projek Wawasan Rakyat (POWR)
68. Pusat Komas
69. Refuge For The Refugees
70. Sabah Reform Initiative (SARI)
71. Sahabat Alam Malaysia
72. Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
73. Serikat Buruh Migran Indonesia (SBMI) Nusa Tenggara Timur (NTT)
74. Sisters in Islam
75. Stairway to Hope
76. Student Progressive Front UUM
77. Student Unity Front UKM
78. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
79. Tenaganita
80. Tindak Malaysia
81. Titular Roman Catholic Archbishop of KL (TRCAKL)
82. Together Against Cancer (TAC)
83. UMANY

**Individu:**

1. Abu Mufakhir
2. Ahmad Kamal
3. Ananti Rajasingam
4. Andrew Khoo
5. Anthony David
6. Arief Subhan
7. Arutchelvan
8. Bernice Ho
9. Bin Rites
10. Celine Khoo
11. Charles Bertille
12. Cikgu Mohd Azmi b Abdul Hamid
13. CR Selva
14. Dato' Dr Amar-Singh HSS
15. Dato M. Ramachelvam
16. Dato Noor Aziah Mohd Awal
17. Datuk Ambiga Sreenevasan

18. Datuk Dr Anwar Fazal
19. Datuk Dr Toh Kin Woon
20. Dr Alice Nah
21. Dr Ayesah Uy Abubakar
22. Dr Hartini Zainudin
23. Dr Jeyakumar Devaraj
24. Dr Lee Boon Chye
25. Dr Ryan Chua
26. Elain Lockman
27. Elaine Lau
28. Faisal Tehrani
29. Hamidon Ali
30. Hana Maisurah
31. Heidy Quah Gaik Li
32. Hew Kuen Hin
33. Jarud Romadan
34. Jeremy Kwan
35. K. Jeyaraj
36. Kelvin Soimin
37. Lilian Si
38. Lim Siew Kiau
39. Linda Lumayag
40. Loh Jon Ming
41. LY Phang
42. Lynn Tung
43. M.Pusenthi P.Maniam
44. Mahirah Hanis
45. Mary Shanthi Dairiam
46. Mohd Nadzir bin Mohd Nordin
47. Muhammad Sha'ani bin Abdullah
48. Mui Mei Moon
49. Nazihah Muhamad Noor
50. Ng Peng Wah
51. Nik Elin Zurina Bt Nik Abdul Rashid
52. Ooi Vern Hau
53. Peter Pang
54. Prof Shad Saleem Faruki
55. Pua Lay Peng
56. Ronnie Hii
57. Saha Deva A. Arunasalam
58. Salina Hussein
59. Sangeeta choudhury
60. Sivarajan A
61. Sunita Rajakumar
62. Surina Shukri
63. Teng Pooi Kui
64. Teoh Siang Chin
65. Thamboo Devaraj
66. Veronica Anne Retnam
67. Victoria Ng Yiow Kheng
68. Vizla Kumaresan
69. Yap Heng Lung
70. Zahid Alom
71. Zhen Ling Ong